



UiTM@Media **2016**

Jaringan Industri

UITM@Media
2016

Toyota Classics 2016 sasar kutipan lebih RM350,000

KUALA LUMPUR 30 Ogos - UMW Toyota Motor Sdn. Bhd. (UMW Toyota) menyasarkan kutipan dana bagi konsert Toyota Classics 2016 melebihi jumlah kutipan yang dicapai pada penganjurannya tahun lalu sebanyak RM350,000.

Presiden UMW Toyota, Datuk Ismet Suki berkata, sejak bermula pada tahun 1990, siri konsert tersebut telah berjaya meraih jumlah keseluruhan sumbangan daripada individu dan sektor korporat hampir RM8 juta.

Menurut beliau, bagi rantau Asia Tenggara, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu telah berjaya mengumpul sejumlah AS\$8.6 juta (RM34.84 juta) termasuk di Brunei, Thailand, Filipina, Indonesia, Laos, Singapura, Kemboja dan Vietnam.

Katanya, semua dana yang terkumpul akan digunakan bagi membantu pelbagai organisasi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menjalankan aktiviti kebajikan dengan penerima tahun ini adalah Fakulti Muzik Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Yayasan Amanah Belia.

“Siri konsert Toyota Classics merupakan antara acara utama daripada 200 aktiviti CSR Toyota di rantau ini. Dengan slogan *Music that Moves Lives*, kami berhasrat untuk menyentuh kehidupan rakyat menerusi bantuan yang disalurkan.

“Tahun ini kami menumpukan penglibatan golongan belia. Memandangkan aktiviti kedua-dua organisasi terpilih berkait rapat dengan kumpulan sasar itu, kami percaya ia akan memangkin semangat sekali gus mengembangkan bakat mereka,” katanya dalam taklimat media di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Pengerusi UMW Toyota, Akio Takeyama; Dekan Fakulti Muzik UiTM, Prof. Madya Dr. Ramona Mohd. Tahir dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Amanah Belia, Nurfarini Daing Abdul Rahman.

Konsert anjuran bersama Toyota Motor Asia Pacific itu akan diadakan pada 2 November ini di Dewan Filharmonik Petronas, KLCC.

Kumpulan Orkestra Neopolis Baltic dari Poland merupakan

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

Kumpulan Orkestra Neopolis Baltic dari Poland merupakan antara peserta yang akan membuat persembahan pada konsert kali ini, selain dua pemuzik solo, Pamela Tan Nicholson pemain piano serta Vasko Vassilev selaku konduktor dan pemain violin.

Keistimewaan penganjuran kali ini adalah orkestra tersebut

bakal disertai bakat-bakat muda dan nyanyian koir oleh kumpulan *The Rendezvous* daripada Fakulti Muzik UiTM.



ISMET SUKI (dua dari kiri), Akio Takeyama, Ramona Mohd. Tahir dan Nurfarini Daing Abdul Rahman bergambar selepas taklimat media berkenaan Toyota Classics 2016 di Kuala Lumpur, semalam.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminaljah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

